

**MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**

**KES NO: 20/4 - 1602/07**

**DI ANTARA**

**ENCIK MOHD YUSOF BIN SALLEH**

**DAN**

**ROHM WAKO ELECTRONICS (MALAYSIA) SDN BHD**

**AWARD NO: 676 TAHUN 2008**

**Di hadapan** : **HAJI SULAIMAN BIN ISMAIL - *Pengerusi***

**Tempat** : Mahkamah Perusahaan Malaysia  
Kuala Terengganu

**Tarikh Rujukan** : 20 Jun 2007

**Tarikh Sebutan** : 26.10.07, 28.11.07, 4.2.08, 2.3.08, 20.4.08

**Tarikh Bicara** : -

**Perwakilan** : Encik Peter Kandiah dari MTUC  
bagi Pihak Menuntut

Miss Josephine Ng dari Tetuan  
Josephine LK Chow  
bagi Pihak Syarikat

**Rujukan:**

Ini adalah satu rujukan oleh Y. B. Menteri Sumber Manusia Malaysia di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, mengenai pembuangan kerja **Encik Mohd. Yusof bin Salleh** (selepas ini disebut sebagai “Pihak Menuntut”) oleh **Rohm Wako Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.** (selepas ini disebut sebagai “Pihak Syarikat”) pada 24.9.2002.

## **AWARD**

Kes ini telah dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia ke Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan dan telah diterima oleh Mahkamah ini pada 23.7.2007.

Kes ini telah ditetapkan untuk Sebutan sebanyak 5 kali dan kali terakhir pada 20.4.2008.

Pada 20.4.2008 pihak Menuntut yang diwakili oleh Encik Peter Kandiah dari MTUC telah memaklumkan kepada Mahkamah bahawa kes ini telah berjaya diselesaikan di luar Mahkamah.

Encik Peter Kandiah juga menyebut bagi pihak Tetuan Josephine L.K. Chow ingin memohon supaya kes ini dibatalkan.

Encik Peter Kandiah memberitahu Mahkamah, pihak Menuntut dan Syarikat telah mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan kes ini di luar Mahkamah.

Pihak Menuntut tidak hadir tetapi telah dimaklumkan oleh pihak MTUC bahawa pihak Menuntut tidak akan meneruskan tuntutan ini lagi dan bersetuju untuk membatalkan kes ini.

Pihak Syarikat yang diwakili oleh Tetuan Josephine L.K. Chow juga bersetuju supaya pihak Menuntut membatalkan sahaja kes ini.

Selepas berpuashati dengan kenyataan Encik Peter Kandiah, Mahkamah dengan ini memutuskan untuk membatalkan kes ini tanpa kebebasan memfailkan semula.

**DIPERTURUNKAN PADA 20 APRIL 2008**

**(HAJI SULAIMAN BIN ISMAIL)**  
PENGERUSI  
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU